

# Jangan musnahkan negara: Mahathir

BH 2 JUL 2001

Oleh Kadir Dikoh  
dan Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pelajar supaya jangan memusnahkan negara dengan membakar 'jambatan' kebahagiaan untuk diwarisi generasi akan datang.

Ingatan itu disampaikan Perdana Menteri pada majlis penutup Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru di Dewan Perdanasiswa Universiti Malaya (UM) di sini.

Dr Mahathir memulakan ucapan dengan menyentuh kes kebakaran Dewan Tunku Canselor UM, yang sepatutnya menjadi tempat simposium itu berlangsung.

Sebelum meninggalkan kampus itu kira-kira jam 2.30 petang, beliau juga sempat menurunkan cermin keretanya sambil menoleh ke arah dewan yang musnah dalam kebakaran Jumaat lalu.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, beliau sedih dengan kebakaran dewan itu sama ada disengaja atau tidak.

"Terpulang kepada pihak terbabit untuk menyasat. Hakikatnya, kita kehilangan mercu tanda bagi sejarah pendidikan negara," katanya.

Beliau turut menceritakan bagaimana pelajar di sebuah negara jiran merusuh di jalan raya, mencetus kekacauan dan akhirnya negara kacau-bilau, jatuh miskin dan mereka sendiri tidak mempunyai pekerjaan - gara-gara tindakan meruntuh 'jambatan'.

"Hari ini mereka kecewa kerana tindakan mereka tidak mendatangkan

## Dr Mahathir gesa pelajar tidak

### DARI MUKA 1

sebarang hasil, malah mendapati pemerintahan kini lebih teruk daripada sebelumnya. Mereka tidak boleh buat apa-apa, nak menyeberangi jambatan sudah tidak boleh," katanya pada majlis anjuran Yayasan Penggerak Wawasan.

Perdana Menteri berucap selama 75 minit, diikuti sesi soal jawab selama 70 minit. Ini bermakna, Dr Mahathir yang sudah berusia 75 tahun berdiri di pentas selama 145 minit, mengatasi rekod 117 minit ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno, minggu lalu.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir kira-kira jam 10

pagi, dikawal ketat dan setiap orang yang masuk ke Dewan Perdanasiswa termasuk 2,000 pelajar yang mewakili 15 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) serta wartawan, diwajibkan menggunakan pas khas.

Simposium dua hari itu mendapat perhatian berikutan kebakaran Dewan Tunku Canselor pada jam 3.45 pagi Jumaat lalu. Simposium itu pada asalnya diadakan di dewan itu yang mampu menempatkan kira-kira 3,000 peserta.

Bagaimanapun, kebakaran itu memusnahkan sama sekali dewan berkenaan yang menjadi tempat kira-kira 80,000 graduan UM terima ijazah sejak 35 ta-

hun lalu.

Kebakaran itu juga dipercayai perbuatan khianat kerana sebelum itu tersebar risalah membantah kehadiran Dr Mahathir.

Namun, majlis itu berjalan lancar tanpa demonstrasi seperti diura-urakan. Ketibaan Dr Mahathir di kampus universiti itu disambut meriah kira-kira 1,000 penuntut di hadapan Perpustakaan Utama UM sebelum beliau ke Auditorium Perdanasiswa. Pelajar turut membawa sepanduk mengalu-alukan kedatangan Dr Mahathir.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed

dan Naib Canselor UM, Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain.

Pada majlis dialog pula, Perdana Menteri menjawab semua soalan pelajar merangkumi isu semasa, termasuk berkaitan kuota keMasukan ke IPTA, isu tuntutan Filipina ke atas Sabah, campur tangan dalam urusan pentadbiran IPTA dan hukum hudud Pas.

Dr Mahathir sebelum itu menasihatkan pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, bukan belajar berdemostrasi dan merusuh di jalanan.

"Saudara dan saudara mungkin tidak berpuas hati dengan pemimpin sekarang

# terpengaruh demonstrasi

dan melemparkan bermacam dakwaan. Walaupun benar apa yang anda nam-pak dan anggap itu, kita perlu sabar kerana apabila anda berkuasa, buatlah sesuatu yang lebih baik berbekalkan ilmu yang di-peroleh dari universiti.

“Untuk merusuh dan berdemonstrasi, apakah kita perlu pelajar di universiti? Fikirlah tanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara. Kita tak boleh bakar jambatan kerana me-nurut hati marah... bila jam-batan dah runtuh - untuk menyeberang jalan pun payah. Tengoklah apa dah berlaku di negara jiran,” katanya.

Perdana Menteri berka-ta, untuk berdemonstrasi

dan merusuh secara ganas di jalanan bagi membantah sesuatu, tidak memerlukan pelajaran di universiti ke-rana ia amat mudah, orang bodoh pun boleh melaku-kannya.

“Kita datang ke univer-siti kerana potensi kita lebih tinggi daripada mereka yang mengganas di ja-lan,” katanya.

Beliau berkata, jika mahu mengubah sesuatu dalam masyarakat yang dirasakan tidak betul, buatlah dengan cara teratur berdasarkan amalan sistem demokrasi melalui pilihan raya setiap lima tahun.

Ini kerana, katanya, undi itu mencerminkan kuasa mutlak rakyat, bukan de-ngan cara kegasan, me-

rusuh dan akhirnya nega-ra musnah yang sukar di-perbaiki lagi.

Beliau berkata, tindakan sebahagian mahasiswa di negara ini sejak akhir-akhir ini menampakkan me-reka hilang haluan dan tu-juan asal ke universiti, se-balikinya mereka menda-patkan latihan dalam bidang lain yang tiada kaitan.

“Ketika kita di universiti, kita kutuk generasi yang tua ini. Generasi tua ini juga mempunyai ilmu pengeta-huan yang lebih baik dari-pada generasi sebelum itu.

“Kita perlu menjaga apa yang akan kita ambil alih... bukannya bertindak de-ngan cara tidak baik dengan memusnahkan apa yang akan kita warisi,” katanya.